



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 21 | April 2023 - Ramadan 1444H

Memupuk Integriti Melalui Ibadah Puasa

Integriti mendorong seseorang individu agar bersifat amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tingkah laku dan dalam apa juga keadaan dengan penuh kerelaan tanpa paksaan walaupun sedang bersendirian.

Amalan berpuasa adalah salah satu kaedah yang amat berkesan dalam membentuk jiwa dan peribadi untuk mencapai ketaqwaan kepada Allah swt. Melalui amalan puasa secara tidak langsung seseorang itu telah dididik oleh Allah swt untuk melakukan perubahan diri, bersifat ihsan, berdisiplin, menepati masa, melawan nafsu, jujur dengan diri sendiri, ikhlas tanpa dipaksa, tahu bersyukur dan berpada dengan apa yang ada, menjaga anggota zahir dan batin dan lain-lain.

Puasa menekankan kepentingan 'Ihsan' sebagai pencapaian tertinggi dalam ibadah seorang hamba iaitu seolah-olah Allah sentiasa melihat apa yang sedang kita kerjakan walaupun kita tidak dapat melihat-Nya. Justeru 'Ihsan' sangat berkait-rapat dengan budaya Integriti di dalam diri melalui amalan berpuasa yang menekankan pengawasan diri sendiri tanpa orang lain perlu mengawasi diri kita.

Puasa itu sendiri iaitu memupuk ketaqwaan kepada Allah. Maka untuk mencapai ketaqwaan melalui ibadah puasa perlulah adanya juga **sifat integriti** seiring dengan amalan yang dilakukan agar puasa yang dilakukan tidak sia-sia.

**Nilai
E.S.I**

Oleh itu, umat Islam seharusnya menjadi umat yang sentiasa mempertahankan integriti dalam hidupnya. Jadikanlah puasa sebagai puasa yang boleh merubah diri dan bukan kembali semula kepada tabiat lama.

Sabda Rasulullah saw :

“Bahawa terdapat ramai orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat suatu apa pun daripada ibadat puasanya, selain lapar dan dahaga.”

[Riwayat Ibnu Majah]